



PRESS RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND DEVELOPMENT
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

ASEAN Competition Interface Workshop on Construction Sector

Date: 30 October 2018

1. Maintaining competition within the construction sector is integral to ensure efficient and sustainable sector growth, to support the pursuit of the Wawasan Brunei 2035. A competitive market is expected to lead to more choices at competitive prices for consumers. This was highlighted by Yang Mulia Dato Paduka Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny, the Chairman of Competition Commission of Brunei Darussalam at the opening ceremony of an ASEAN Competition law workshop attended by more than 50 officials from the competition authorities and regulators from the construction sector across 10 ASEAN Member States.
2. With the aim to strengthen the interface between regional competition authorities and construction sector regulators to tackle competition issues in the construction sector, the workshop is organised by the Department of Economic Planning and Development, Ministry of Finance and Economy through the Department of Competition and Consumer Affairs, in collaboration with the Australian Competition and Consumer Commission and the ASEAN Secretariat under the support of the ASEAN-Australia-New Zealand Free Trade Area Economic Cooperation Work Programme.
3. Amongst those present at the opening ceremony were Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman and Yang

Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, members of the Legislative Council; members of Competition Commission of Brunei Darussalam and senior officials from competition authority, sector regulator and Attorney General Chamber.

4. In his welcoming remarks, Yang Mulia Dato Paduka Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny shared that the construction sector is a fundamental sector of every economy, playing an important role in the socio-economic development of a country. Not only does it build and maintain the structure and infrastructure on which every other industry depends, but it is also a major employer in many countries. In ASEAN, the construction sector is set to grow by 6.1% yearly on average in the next 5 years. It is therefore critical to build knowledge among authorities and sector regulators to ensure that the business environment in the construction sector is functioning efficiently and free from anti-competitive activity to guarantee maximized returns to the economy.
5. As a country with a very new competition regime, the Chairman expressed appreciation to have the valuable platform to gain insights to build understanding and awareness on current issues affecting competition in the construction sector and how construction sector regulators and competition authorities can work together in achieving efficiency in this sector in driving towards goals of Wawasan Brunei 2035, as well as the development goals of other ASEAN Member States. He expressed hope in working together to further elevate the role of competition law in driving our domestic growth as well as the region's economic cooperation and integration goals.
6. Yang Mulia Dato Paduka Eddie concluded by highlighting that competition laws and policies are an essential part of the institutional and regulatory framework needed for ASEAN member states to address current market challenges.
7. Facilitated by experts from the Australian Competition and Consumer Commission (ACCC) and Melbourne Law School, University of Melbourne, the workshop discussed the key elements of competition laws in ASEAN member states and the role of governments in curbing anti-competitive practices, case studies and practical

examples specific to the sector were also used to help participants in understanding the application of competition law.

8. The workshop will run from 30th – 31st October 2018 at the Rizqun International Hotel as part of a series of competition interface workshops between ASEAN competition authorities and sector regulator under the Competition Law Implementation Programme managed by the Australian Competition and Consumer Commission under the ASEAN-Australia-New Zealand Free Trade Area Economic Cooperation Work Programme.



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Bengkel Hubungkait Persaingan ASEAN mengenai Sektor Pembinaan

Tarikh: 30 Oktober 2018

1. Mengekalkan persaingan dalam sektor pembinaan adalah penting bagi memastikan pertumbuhan sektor yang cekap dan mampan, ke arah menyokong usaha Wawasan Brunei 2035. Pasaran yang berdaya saing dijangka dapat memberikan pilihan yang banyak dengan harga yang kompetitif bagi pengguna. Ini ditekankan oleh Yang Mulia Dato Paduka Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny, Pengerusi Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam semasa majlis perasmian bengkel undang-undang persaingan ASEAN yang dihadiri oleh lebih daripada 50 orang pegawai daripada autoriti persaingan dan pengawal selia sektor pembinaan daripada kesepuluh ahli-ahli Negara ASEAN.
2. Dengan objektif bagi memperkukuhkan hubungkait di antara autoriti persaingan dan pengawal selia sektor pembinaan di rantau ASEAN dalam sama-sama menangani isu persaingan di dalam sektor pembinaan, bengkel telah dianjurkan oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna dengan kerjasama *Australian Competition and Consumer Commission* dan Sekretariat ASEAN, di bawah sokongan *ASEAN-Australia-New Zealand Free Trade Area Economic Cooperation Work Programme (AANZFTA ECWP)*.

3. Antara yang hadir di majlis perasmian bengkel ialah Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman dan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; ahli-ahli Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam dan pegawai-pegawai kanan daripada autoriti persaingan, pengawal selia sektor dan Pejabat Peguam Negara.
4. Dalam ucapan alu-aluannya, Yang Mulia Dato Paduka Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny mengongsikan bahawa sektor pembinaan merupakan sektor yang berkepentingan bagi setiap ekonomi dan memainkan peranan yang penting di dalam pembangunan sosio-ekonomi sesebuah negara. Ia bukan sahaja menyumbang kepada pembinaan dan penjagaan struktur dan infrastruktur yang mana setiap industri lain bergantung, tetapi juga merupakan majikan pekerjaan terbesar di beberapa negara lain. Di rantau ASEAN, purata pertumbuhan bagi sektor pembinaan adalah sebanyak 6.1% setahun dalam 5 tahun akan datang. Oleh yang demikian, pembangunan pengetahuan di kalangan autoriti dan pengawal selia sektor adalah penting bagi memastikan persekitaran perniagaan pembinaan dapat berfungsi dengan cekap dan bebas daripada sebarang perlakuan anti-persaingan bagi menjamin pulangan maksima kepada pembangunan ekonomi negara.
5. Sebagai negara yang baru di dalam rejim persaingan, Pengerusi Suruhanjaya menyatakan penghargaan atas platform yang berharga bagi menimba pandangan dan meningkatkan kefahaman serta kesedaran mengenai isu-isu yang mempengaruhi persaingan di dalam sektor pembinaan dan cara-cara bagi pengawal selia sektor dan autoriti persaingan dapat berkerjasama dalam mencapai kecekapan di dalam sektor pembinaan ke arah matlamat Wawasan 2035 serta matlamat pertumbuhan ahli-ahli Negara ASEAN lain. Beliau turut menyatakan harapan untuk berkerjasama dalam terus mengangkat peranan undang-undang persaingan dalam memacu pertumbuhan ekonomi domestik serta matlamat kerjasama dan integrasi ekonomi serantau.
6. Yang Mulia Dato Paduka Eddie mengakhiri ucapan alu-aluan dengan menekankan bahawa undang-undang dan dasar persaingan merupakan keperluan rangka

kerja institusi dan pengawalseliaan bagi ahli-ahli Negara ASEAN untuk menangani cabaran pasaran semasa.

7. Bengkel disampaikan oleh pakar-pakar persaingan daripada *Australian Competition and Consumer Commission* dan *Melbourne Law School*, Melbourne Universiti. Bengkel membincangkan elemen-elemen utama undang-undang persaingan di rantau ASEAN dan peranan Kerajaan dalam menangani perlakuan-perlakuan anti-persaingan. Kajian kes dan contoh praktikal khusus sektor pembinaan juga digunapakai dalam membantu peserta bengkel untuk memahami penerapan undang-undang persaingan.
8. Bengkel diadakan pada 30hb hingga 31hb Oktober 2018 di Rizqun International Hotel sebagai sebahagian daripada siri bengkel hubungkait persaingan di antara autoriti persaingan dan pengawal selia sektor di bawah *Competition Law Implementation Programme* kelolaan *Australian Competition and Consumer Commission* dengan sokongan *ASEAN-Australia-New Zealand Free Trade Area Economic Cooperation Work Programme*.